

OPS GERAK Bil 16/2021 JABATAN ALAM SEKITAR KEDAH BERSAMA ANGGOTA PENGUATKUASAAN POLIS TRAFIK CAWANGAN PENDANG, KEDAH.

03 Julai 2021, Kedah - Unit Kenderaan Bermotor JAS Negeri Kedah bersama-sama dengan anggota penguatkuasaan Polis Trafik telah melaksanakan Ops Gerak di Sekitar Kawasan Pendang pada 03 Julai 2021.

Dalam operasi ini, pemeriksaan pelepasan asap hitam dari kenderaan berenjin diesel telah dijalankan. Sebanyak 30 ujian visual kenderaan diesel dan 17 ujian meter dilaksanakan terhadap kenderaan yang ditahan. Empat (4) Notis Arahan dan satu (1) tawaran kompaun telah dikeluarkan ke atas kenderaan yang tidak patuh kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974. Seramai enam (6) orang pegawai penguatkuasa JAS Negeri Kedah telah terlibat dalam operasi tersebut.

Orang ramai diingatkan supaya sentiasa mematuhi Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996.

#kementerialamsekitardanair

#jabatanalamsekitar

#alamsekitartanggungjawabbersama

#jaskedah